

BULETIN MAJLIS DAERAH SARATOK

EDISI 1/2024 JAN - JUN

**PENINGKATAN PRESTASI MAJLIS
DAERAH SARATOK DALAM SISTEM
PENARAFAN BINTANG PIHAK
BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)**



Majlis Daerah Saratok



saratokdc.sarawak.gov.my



083 - 436104

083 - 436146

ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI	2
VISI	3
MISI	3
PERUTUSAN Pengerusi Majlis	4
PERUTUSAN Setiausaha Majlis	5
MAJLIS APRESIASI MAJLIS DAERAH SARATOK 2023	6
PEGAWAI YANG BERSARA	7
GOTONG ROYONG PERDANA	8
AUDIT SISTEM PENARAFAN BINTANG PBT (SPB-PBT)	9
MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN MAJLIS	10
PROGRAM SARATOK GO-GREEN - SAY NO TO STYROFOAM & PELANCARAN PROGRAM SAY NO TO PLASTIC BAG	11
GOTONG ROYONG PERDANA DAN PENYERAHAN MY KIOSK DI KABONG	12
AUDIT BALANCED SCORE CARD (BSC)	13
RAMAH TAMAH AIDILFITRI 2024	14
TAKLIMAT KANSER DARI MAKNA	15
PROGRAM PENYERAHAN MY KIOSK SARATOK & ROBAN	16
KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN E-WASTE	17
AUDIT ISO 9001 :2015	18
KRIAN FEST NATURE CHALLENGE	19
SUDUT SDG	20-22

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT : Tn. Muhammad Dino Bin Amid
(Pengerusi Majlis Daerah Saratok)

KETUA PENYELARAS : En. McCrea Joseph Pererra
(Setiausaha Majlis Daerah Saratok)

KETUA EDITOR : Pn. Stefanie Anak Seli (Ketua Pegawai Maklumat)

EDITOR : Pn. Dayang Nur Aziemah Binti Awg Jamaludin
(Penolong Pegawai Maklumat)

PEREKA GRAFIK : Cik Masderia Nany Anak Angit

JURUFOTO : En. Erwin Anak Senabong / En. Alphonso Bin Mathali /
En. Mohammad Haziq Bin Jimminan

SIDANG EDITOR

Pn. Cinderella Anak Deck
En. Syazwan Bin Salleh
Pn. Evelyn Tara Enjop

PENYUMBANG BAHAN

Wakil daripada setiap seksyen

PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS

Assalamualaikum wrt , Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat menyambut edisi pertama Buletin MDS untuk tahun 2024. Buletin ini diterbitkan untuk menyampaikan perkembangan terkini, aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Saratok bagi manfaat semua warga setempat.

Sebagai peneraju utama dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan mesra komuniti, MDS terus komited dalam usaha memastikan kebajikan, keselamatan, dan kemakmuran penduduk sentiasa terjaga. Pelbagai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diadakan bertujuan mempereratkan hubungan antara pihak berkuasa dan masyarakat setempat.

Semoga dengan penerbitan buletin ini, kita dapat terus membina komunikasi yang lebih baik dan memperkukuhkan lagi kerjasama antara pihak MDS dan komuniti. Saya mengharapkan sokongan berterusan daripada semua pihak untuk menjadikan persekitaran kita lebih baik dan harmoni. Kami juga sentiasa terbuka kepada cadangan dan maklum balas daripada masyarakat untuk memperbaiki perkhidmatan kami.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buletin ini, dan berharap agar maklumat yang disampaikan dapat memberi manfaat kepada semua.

Sekian, Terima kasih.

*Muhammad Dino bin Amid
Pengerusi Majlis Daerah Saratok*

PERUTUSAN SETIAUSAHA MAJLIS

Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Malaysia Madani.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada barisan Sidang Redaksi di atas penerbitan Buletin MDS Edisi 1/2024. Buletin ini tidak mungkin akan terhasil tanpa usaha yang gigih dan dedikasi yang tinggi daripada warga MDS.

Saya berharap agar buletin ini dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat mengenai aktiviti-aktiviti majlis sepanjang Januari - Jun 2024. Segala aktiviti-aktiviti yang diterbitkan dalam Buletin ini akan menjadi memori yang akan diingati oleh warga MDS.

Sebelum mengundur diri, saya berharap tuan/puan jika ada sebarang cadangan atau komen bolehlah kemukakan di laman muka buku Majlis Daerah Saratok.

Segala pandangan atau cadangan anda sedikit sebanyak membantu Majlis Daerah Saratok di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

*McCrea Joseph Perreira
Setiausaha Majlis Daerah Saratok*



VISI

**PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI
YANG LESTARI**

MISI

**KAMI KOMITED UNTUK
MEMBANGUN KUALITI HIDUP YANG
LESTARI MELALUI AMALAN
TERBAIK DAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG
BERORIENTASIKAN ASPIRASI
RAKYAT**

25 JANUARI 2024 :

MAJLIS APRESIASI MAJLIS DAERAH SARATOK



25 Jan - Majlis apresiasi MDS ini diadakan di Dewan Sri Krian Saratok. Seramai 60 kakitangan yang hadir untuk memeriahkan majlis ini.



Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan kakitangan majlis yang telah bertungkus lumus menjayakan semua aktiviti pada tahun 2023 yang lepas.



Selain itu kakitangan yang berpencen juga dihargai pada majlis ini.



16 FEBRUARI 2024

GOTONG ROYONG PERDANA



16 Feb - Majlis Daerah Saratok telah mengadakan gotong-royong di kawasan pejabat majlis .Gotong royong ini dapat membantu mencipta persekitaran kerja yang lebih bersih dan menyenangkan, serta menggalakkan semangat kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan kakitangan. Ini juga boleh menjadi peluang untuk meningkatkan komunikasi dan hubungan antara anggota pasukan. Secara keseluruhannya majlis bermatlamat untuk menjadikan nilai team spirit dibawah 6 nilai bersama untuk dibudayakan di MDS.

20 FEBRUARI 2024

AUDIT SISTEM PENARAFAN BINTANG PBT (SPB-PBT)



20 Feb - Pihak Majlis Daerah Saratok telah menerima kunjungan pihak Audit Sistem Penarafan Bintang. Audit sistem penarafan bintang ini bertujuan untuk menilai dan memastikan bahawa standard dan kriteria yang ditetapkan untuk setiap tahap penarafan bintang dipenuhi. Proses audit ini adalah penting untuk memastikan bahawa penarafan yang diberikan adalah tepat dan konsisten.

Majlis Daerah Saratok telah menunjukkan prestasi yang amat baik dengan mendapat 4 bintang berbanding dengan sebelum ini hanya mendapat 3 bintang sahaja. Tahniah diucapkan untuk warga kerja MDS di atas pencapaian yang amat membanggakan ini.





23 FEBRUARI 2024
**MAJLIS PERPISAHAN
 KAKITANGAN MDS.
 EN JUSTINE CHARLES**



23 Feb - Majlis Daerah Saratok telah mengadakan majlis perpisahan kakitangan iaitu En. Justine Charles yang berpindah ke Majlis Daerah Lundu. MDS berharap agar beliau dapat memperkembangkan kerjaya di MDL dan mengaplikasikan pengalaman beliau dengan berkesan sepanjang tempoh beliau di Saratok.

Setiap seksyen tidak melepaskan peluang memberi cenderamata kepada En. Justine sebagai hadiah kenang-kenangan sepanjang berkhidmat di MDS.

Selamat maju jaya En Justine.



SELAMAT BERSARA



"BUDIMU SETULUS HATI, SELAUT KASIH KAMI HARGAI"

JUTAAN PENGHARGAAN DIUCAPKAN

KEPADA

PN KHO MING CHOO

ATAS JASA DAN BAKTI SEPANJANG BERKHIDMAT SEBAGAI
PEMBANTU OPERASI N14

TEMPOH PERKHIDMATAN

1984 - 2024

(40 TAHUN)

"BUDIMU SETULUS HATI, SELAUT KASIH KAMI HARGAI"

JUTAAN PENGHARGAAN DIUCAPKAN

KEPADA

EN PETRUS DIUT AK TIPOD

ATAS JASA DAN BAKTI SEPANJANG BERKHIDMAT SEBAGAI
PEMBANTU AWAM H11



TEMPOH PERKHIDMATAN

1990 - 2024

(34 TAHUN)



"BUDIMU SETULUS HATI, SELAUT KASIH KAMI HARGAI"

JUTAAN PENGHARGAAN DIUCAPKAN

KEPADA

EN UGAS AK ANTHONY JUAN

ATAS JASA DAN BAKTI SEPANJANG BERKHIDMAT SEBAGAI
PEMBANTU PENGUATKUASA KP22

TEMPOH PERKHIDMATAN

1989 - 2024

(35 TAHUN)

HAPPY Retirement!

05 MAC 2024

GOTONG ROYONG PERDANA DAN PENYERAHAN MY KIOSK DI KABONG

05 Mac - Program gotong-royong perdana dan penyerahan My Kiosk bagi kawasan kabong telah dirasmikan oleh Ahli DUN N40 Kabong YB Mohd Chee Bin Kadir bertempat di Pantai Tanjung Kembang Kabong. Seramai 15 pemohon yang layak dipilih untuk My Kiosk ini.

Program gotong-royong dimulakan selepas penyerahan My Kiosk dan disertai oleh YB Mohd Chee Bin Kadir. Kehadiran dan penyertaan bersama oleh YB amat dihargai bagi memberi contoh kepada kita semua bahawa kebersihan persekitaran adalah tanggungjawab seluruh lapisan masyarakat.

Melalui aktiviti gotong royong yang melibatkan wakil rakyat dan komuniti, hubungan antara rakyat dan pemimpin dapat diperkuat, dan kerja sama dalam menyelesaikan masalah tempatan dapat diperbaiki. Ini juga dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan membina komuniti yang lebih bersatu padu.



AUDIT BALANCED SCORECARD



07 Mac - Majlis Daerah Saratok telah diaudit pasukan Balanced Scorecard (BSC) dari Jabatan Premier Sarawak. Audit Balanced Scorecard (BSC) adalah proses untuk menilai dan memastikan keberkesanan serta ketepatan sistem Balanced Scorecard yang digunakan oleh organisasi. Balanced Scorecard adalah alat pengurusan strategik yang digunakan untuk menilai dan mengurus prestasi organisasi dari empat perspektif utama: kewangan, pelanggan, proses dalaman, dan pembelajaran serta pertumbuhan

Melalui audit Balanced Scorecard yang teliti, organisasi dapat memastikan bahawa sistem ini berfungsi dengan berkesan, membantu mencapai matlamat strategik, dan memberikan nilai tambah kepada prestasi keseluruhan organisasi.

Secara keseluruhannya, pihak majlis telah mendapat keputusan yang cemerlang .Dengan ini majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua kakitangan yang telah bekerjasama untuk mendapatkan keputusan ini. Diharap para kakitangan dapat meneruskan komitmen dan usaha ini di dalam matlamat meningkatkan lagi pencapaian prestasi pada masa hadapan.

04 MAC 2024

PROGRAM SARATOK GO GREEN - SAY NO TO STYROFOAM & PELANCARAN PROGRAM SAY NO TO PLASTIC BAG



04 Mac - Majlis Daerah Saratok telah mengadakan Program Saratok Go Green - Say No to Strofoam & Pelancaran Program Say No to Plastic Bag. Program ini telah dirasmikan oleh Ahli DUN N38 Kalaka YB Tuan Haji Mohamad Bin Duri bertempat di Dewan Sri Krian Saratok.

Program ini dihadiri oleh Para Kapitan, Ahli-ahli Majlis dan pemilik kedai di kawasan Saratok. Program "Go Green: Say No to Styrofoam and Say No to Plastic" adalah inisiatif penting yang menjadi fokus kepada majlis kerana program ini merupakan salah satu inisiatif berimpak tinggi di dalam mencapai matlamat pembangunan mampan (SDG).

Majlis percaya program ini juga boleh memberi impak yang besar jika dilaksanakan dengan betul, dengan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perubahan positif dalam masyarakat atau organisasi.



03 MEI 2024

RAMAH TAMAH AIDILFITRI 2024



03 Mei -Ramah tamah Aidilfitri adalah acara sosial yang diadakan sempena perayaan Aidilfitri, bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara keluarga, rakan, dan komuniti. Pada acara kali ini semua kakitangan MDS telah bersama-sama menyediakan juadah yang sedap & menarik untuk dikongsikan bersama-sama.

Ramah tamah Aidilfitri adalah peluang untuk merayakan kejayaan, mengeratkan silaturahim, dan membina kenangan indah bersama orang-orang tersayang. Dengan perancangan yang rapi dan perhatian kepada perincian, acara ini boleh menjadi momen yang sangat bermakna dan menyeronokkan.





15 MEI 2024
**TAKLIMAT KANSER
DARI MAKNA**


Support
Cancer
Awareness

15 Mei - Taklimat kanser dari Makna adalah sesi pendidikan yang memberikan penjelasan mendalam mengenai kanser, termasuk maklumat tentang punca, simptom, rawatan, dan langkah pencegahan. Program taklimat seperti ini biasanya disasarkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kanser dan menggalakkan langkah-langkah proaktif dalam menjaga kesihatan.

Melalui taklimat kanser dari Makna, anda boleh membantu meningkatkan kesedaran, memberikan maklumat penting, dan menggalakkan langkah-langkah pencegahan yang dapat membantu dalam memerangi kanser.

FAKTA MENARIK TENTANG TUBUH BADAN MANUSIA

- 1. MANUSIA NORMAL MEMPUNYAI SEBANYAK 206 TULANG**
- 2. WANITA MELEPASKAN 300 HINGGA 400 TELUR SEUMUR HIDUP**
- 3. TUBUH ANDA MENGANDUNGI SEHINGGA 1.5 GALON ATAU 5.5 LITER DARAH**
- 4. OTAK MANUSIA MENGANDUNGI 100 BILION NEURON**
- 5. LUAS PERMUKAAN USUS KECIL ANDA SEPERTI SEBUAH GELANGGANG TENIS**



20 MEI 2024

PROGRAM PENYERAHAN MY KIOSK SARATOK & ROBAN

20 Mei - Program ini telah dihadiri Ahli DUN N38 Kalaka, YB Tuan Haji Mohamad Bin Duri, Ahli DUN N39 Krian, YB Tuan Friday Anak Belik bersama YB Senator Tuan Pele Peter Tinggom Ahli Dewan Negara. Sebanyak 25 buah MyKiosk telah diserahkan kepada penerima.

YB Tuan Haji Mohamad Bin Duri didalam ucapannya berkata bahawa, kiosk ini adalah sumbangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah untuk menggalakkan penyertaan Kumpulan Berpendapatan 40% Terendah (B40) dalam projek-projek keusahawanan bagi membolehkan mereka menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.


“Selain itu, ianya juga dapat mengurangkan beban B40 di bandar untuk mendapatkan kiosk penjaja yang selamat dan selesa bagi menambahkan pendapatan.

“Dengan adanya Mykiosk ini, saya berharap para penerima dapat memanfaatkannya sebaik mungkin dengan berniaga secara konsisten setiap hari dan juga memastikan makanan yang dijual bersih dan terjamin kualitinya,” katanya.



20-22 JUN 2024

KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN E-WASTE (KABONG/ROBAN/SARATOK)



20-22 Jun - Majlis Daerah Saratok telah bekolaborasi dengan pihak NREB untuk mengadakan kempen pengumpulan buangan E-Waste di Saratok , Roban dan Kabong.

Kempen pengumpulan buangan E-waste ini adalah inisiatif berlandaskan matlamat pembangunan mampan(SDG), yang bertujuan untuk menguruskan dan mengitar semula peranti elektronik yang telah tidak digunakan atau rosak dengan cara yang selamat dan mesra alam. Buangan e-waste termasuk komputer, telefon pintar, televisyen, dan peralatan elektrik lain yang tidak lagi berfungsi atau tidak diperlukan.

Kempen pengumpulan e-waste bukan sahaja membantu mengurangkan kesan negatif pembuangan elektronik terhadap alam sekitar tetapi juga mendidik masyarakat tentang kepentingan pengurusan buangan yang bertanggungjawab.

24 JUN 2024


AUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO 9001:2015



24 Jun - Pasukan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 yang diketuai oleh En Robin telah datang ke Majlis Daerah Saratok untuk membuat semakan audit kepada dokumen-dokumen MS ISO 9001:2015 MDS. Secara dasarnya, tujuan audit ini di jalankan untuk memastikan kepatuhan kepada MS ISO 9001:2015 tetapi juga memberikan peluang untuk memperbaiki sistem pengurusan kualiti dan mencapai kecemerlangan organisasi. Dengan perancangan dan pelaksanaan yang teliti, audit boleh menjadi alat yang sangat berguna dalam memacu penambahbaikan berterusan.

Audit kualiti dalaman menurut MS ISO 9001:2015 adalah proses sistematik untuk menilai kepatuhan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti dalam organisasi. MS ISO 9001:2015 adalah piawaian antarabangsa yang menetapkan keperluan untuk sistem pengurusan kualiti (QMS) dengan tujuan utama untuk meningkatkan kepuasan pelanggan melalui pengurusan proses dan peningkatan berterusan.





29 Jun - Majlis Daerah Saratok telah menyahut cabaran untuk menyertai *Krian Fest Nature Challenge* yang telah diadakan di Nanga Gerenjang. Program ini telah diketuai oleh En. Tinggom Ak Bat.

Program ini telah memberikan cabaran kepada kakitangan yang terlibat untuk membina rakit menggunakan bahan-bahan semula jadi atau kitar semula dan bertujuan untuk menggalakkan kemahiran penyelesaian masalah, kerjasama, dan kesedaran terhadap alam sekitar.

Aktiviti ini adalah penting untuk memastikan peserta tidak hanya mencapai matlamat cabaran, tetapi juga membina hubungan yang kuat dan meningkatkan kemahiran kerja berpasukan.

Aktiviti yang melibatkan kerja berpasukan dan kerjasama yang baik akan meningkatkan lagi semangat berpasukan antara masing-masing selain meningkatkan pengalaman & pengetahuan mengenai cabaran ini.





SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



PERANAN PBT KE ARAH SDG

BASMI KEMISKINAN



Membasmi kemiskinan dalam apa-apa bentuk di semua tempat

KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN



Memastikan kesihatan dan kesejahteraan bagi semua umur dipromosikan

PERANAN PBT KE ARAH SDG

AIR BERSIH DAN SANITASI




Menyediakan infrastruktur tandas awam bagi tujuan kemudahan semua golongan masyarakat

TENAGA YANG BERPATUTAN DAN BERSIH



Penggunaan barangan dan peralatan elektrik jimat/cekap tenaga seperti lampu LED dalam pelaksanaan projek

KERJA YANG BAIK DAN PERTUMBUHAN EKONOMI



Menyediakan premis/kemudahan perniagaan yang selesa dan sempurna bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seterusnya menjana ekonomi masyarakat

INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR



Membangunkan insfrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang inklusif dan lestari serta inovasi untuk semua


PERANAN PBT KE ARAH SDG

TINDAKAN IKLIM



Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya

BANDAR DAN KOMUNITI YANG MAMPAN



- Menyediakan infrastruktur asas yang sempurna dan selesa seperti jaringan perhubungan jalan raya, longkang serta perparitan dan pencahayaan jalan yang baik
- Menyediakan kawasan lapang kegunaan awam dan rekreasi seperti dataran kejat, laluan pejalan kaki, laluan basikal
- Menyediakan sistem pengawasan keselamatan seperti CCTV, pembaikan cerun

KEHIDUPAN TANAH




Melindungi, memulihkan dan mempromosi penggunaan ekosistem teresterial yang lestari, pengurusan hutan secara lestari dan menghentikan kehilangan biodiversiti

tusind tak
謝謝 dakujem vám
ngiyabonga
dziękuję
merc
baie dankie
धन्यवाद molte grazie
suksema
danke
thank
you
gracias
obrigada
obrigado
teşekkür ederim
tack så mycket
takk
gràcies
tānan
dank u
teşekkür edire
mahalo



MAJLIS DAERAH SARATOK
JALAN ABG ABU TALIP
PETI SURAT NO. 73
95400 , SARATOK

 **083 - 436104**

 **083 - 436146**

 **saratokdc.sarawak.gov.my**

 **saratodc@sarawak.gov.my**